

10/02/1998

Nik Aziz setuju tubuh badan khas

Nasir Hassan

KOTA BHARU, Isnin - Kerajaan Kelantan menyifatkan cadangan penubuhan sebuah badan khas bagi mengumpul sebarang sumbangan rakyat untuk meningkatkan simpanan negara kena pada masanya.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata usaha itu sesuai ketika negara mengalami kegawatan ekonomi kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Menurutnya, langkah itu juga akan dapat membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

"Badan khas seperti ini wajar ditubuhkan memandangkan pusingan wang dalam pasaran berkurangan," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di Hospital Kota Bharu (HKB) di sini, hari ini.

Beliau dimasukkan ke Wad 10 HKB itu kerana mengalami cirit birit sekembalinya dari lawatan ke Pondok Lapan Bola, dekat Tanah Merah, semalam.

Nik Abdul Aziz diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa penubuhan badan itu bagi membolehkan orang ramai memberi apa juga bentuk sumbangan, seperti harta, barang dan wang.

Menurutnya, hasil kutipan itu boleh dijual untuk mendapatkan tukaran asing dan dijadikan sebahagian rizab negara.

Menteri Besar berpendapat, di saat negara menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, sesuatu tindakan bagi memulihkan keadaan perlu dilakukan segera oleh kerajaan.

"Usaha ini harus ditangani secara bijaksana dengan mengambil kira kepentingan rakyat serta masa depan negara," katanya.

(END)